

Dakwaan keliru peraturan tak seragam

Penumpang terkandas tidak mohon kebenaran imigresen

Kuala Lumpur: Kes sekumpulan penumpang yang tidak dibenarkan menaiki pesawat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Sabtu lalu, disebabkan tidak membuat permohonan ke luar negara dengan Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen).

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimie Daud, berkata penumpang terbabit didapati mempunyai rekod pergerakan masuk ke Malaysia dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Mereka yang ditahan ketika berada (di balai berlepas) itu membabitkan individu rakyat Malaysia pemegang pas pemastautin tetap (PR) luar negara atau mereka yang bekerja di luar negara yang pulang dalam tempoh PKP dan ingin pergi semula ke luar negara,” katanya di sini, semalam.

Katanya, ada dalam kalangan penumpang berkenaan baru pulang ke Malaysia dalam tempoh sebulan lalu dan ingin terbang semula ke luar negara atas alasan bekerja.

“Individu yang hendak ke luar negara, wajib memohon kelulusan daripada imigresen dahulu,”



Mereka membabitkan individu rakyat Malaysia pemegang pas pemastautin tetap (PR) luar negara atau mereka yang bekerja di luar negara yang pulang dalam tempoh PKP dan ingin pergi semula ke luar negara.

Khairul Dzaimie Daud,
Ketua Pengarah Imigresen

katanya menambah syarat itu bertujuan mengelak rakyat Malaysia yang bekerja atau menetap di luar negara keluar dan masuk ke Malaysia sesuka hati, ketika negara masih berdepan penularan wabak COVID-19.

12 September lalu, imigresen mengumumkan garis panduan dan syarat terbaharu bagi rakyat Malaysia yang ingin keluar dan masuk ke dalam negara hingga berakhirnya tempoh PKP Pemulihan (PKPP), 31 Disember ini.

Garis panduan itu memaklumkan beberapa kategori terbabit dalam garis panduan itu, antaranya golongan yang tidak perlu memohon kelulusan, perlu memohon kelulusan dan tidak dibenarkan keluar negara serta prosedur untuk masuk semula ke Malaysia.

Media sebelum ini melaporkan terdapat sekumpulan rakyat tempatan terkandas di KLIA, Sabtu lalu kerana tidak dibenarkan ke luar negara walaupun mendakwa mereka tergolong dalam kumpulan yang dibenarkan ke luar negara, tanpa memohon kelulusan berdasarkan garis panduan terbaharu itu. **BERNAMA**